

## MOOCs UNTUK PEMBELAJARAN BAHASA: SATU TINJAUAN LITERATUR SISTEMATIK

1069

**Dr. Ghazali bin Zainuddin**

[ghazali@kuis.edu.my](mailto:ghazali@kuis.edu.my)

**Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor**

**Dr. Siti Rosilawati bt Ramlan**

[rosilawati@usim.edu.my](mailto:rosilawati@usim.edu.my)

**Universiti Sains Islam Malaysia**

*Massive open online courses (MOOCs) sedang menjadi sebagai salah satu persekitaran pembelajaran yang bersifat terbuka dan jarak jauh. Namun, pemahaman berkaitan kesan dan corak pembelajaran secara MOOC dalam pembelajaran Bahasa masih belum dibincangkan secara meluas dalam kalangan pengkaji. Oleh yang demikian, kajian ini menganalisis trend penyelidikan MOOC untuk pembelajaran bahasa dari tahun 2013 sehingga 2018. Kajian ini memberi tumpuan kepada kajian-kajian yang diterbitkan oleh pangkalan data ScienceDirect, ERIC dan Research Gate. Sebanyak 66 artikel telah dikenalpasti sebagai kajian yang berkaitan dengan MOOC untuk pembelajaran bahasa. Hanya 10 artikel adalah bertaraf akses penuh telah dipilih secara rawak untuk analisis lanjutan berdasarkan topik kajian, reka bentuk kajian, kaedah kajian, dan analisis. Hasil kajian ini berpotensi untuk diaplikasikan oleh para pengkaji yang berminat tentang kajian trend penyelidikan MOOC untuk pembelajaran bahasa.*

*Kata Kunci: MOOCs, Pembelajaran Bahasa, OER, Tinjauan Literatur Sistematis*

### **1. Pendahuluan**

Dunia pendidikan kini mengalami proses perubahan yang ketara. Perubahan ini didorong oleh pelbagai factor. Antaranya minat generasi muda terhadap pembelajaran secara tradisional kian luntur dan mereka beralih kepada penggunaan teknologi dalam mencari dan meneroka ilmu. Penggunaan teknologi dalam pembelajaran bukan suatu yang asing dewasa ini kerana ia menjalankan dwifungsi iaitu pemindahan maklumat dan pembelajaran menerusi interaksi antara pelajar dan guru (Nunes, Rissi dan Pacheho, 2015).

Massive Open Online Course atau MOOC adalah satu wahana teknologi yang memacu perubahan ini. Semenjak 2011, terdapat berjuta orang dari serata dunia telah menggunakan wahana ini dalam pembelajaran jarak jauh telah mendaftar dalam beratus laman MOOC yang menggunakan platform edX, Coursera dan Udacity. Keterujaan mereka yang menyertai MOOC ini disebabkan oleh ia disediakan percuma dan jika dikenakan bayaran masih lagi berpatutan dan melangkaui sempadan geografi serta menjimatkan masa dan tenaga (Sandeem, 2013). Weller (2014) pula berpandangan bahawa walaupun MOOC bersifat Sumber Pendidikan Terbuka (Open Online Resources-OER), ia masih perlu dibuat

kajian terperinci berkenaan penggunaannya dalam pembelajaran di peringkat tinggi khususnya dalam pembelajaran bahasa. Ini ditegaskan oleh Martin-Monje, Barcena dan Read (2014) yang menyatakan hanya sedikit sahaja MOOC digunakan untuk pembelajaran Bahasa.

Kewujudan MOOC untuk pembelajaran Bahasa telah dikesan wujud seawal 2013 (Gilliland, Oyama & Stacey, 2018) tetapi hanya melibatkan pembelajaran Bahasa Inggeris sahaja. Justeru, kertas kerja ini akan cuba meneroka kajian penggunaan MOOC dalam pembelajaran bahasa-bahasa lain yang wujud sehingga kini dengan menekankan kepada kesan penggunaannya terhadap pelajar dan guru.

## **2. Metodologi**

Kaedah Literatur Sistemik digunakan berdasarkan kepada kerangka Kitchenham et al. (2009). Kelebihan menggunakan kaedah ini ialah membolehkan penyelidik melihat secara mendalam berkaitan permasalahan kajian dan membolehkan satu kajian dikumpulkan dari sumber yang pelbagai (Kitchenham & Charters, 2007). Tambahan pula hasil sorotan literatur sistemik lebih telus berbanding kaedah literatur biasa (Stapic, Lopez, Cabot, de Marcos Ortega & Strahonja, 2012). Sorotan Literatur Sistemik mengandungi tiga fasa utama iaitu fasa perancangan, fasa perlaksanaan dan fasa pelaporan (Kitchenham, Pearl Brereto, Budgen, urner, Bailey & Linkman , 2009). Penyelidik menerangkan fasa-fasa ini dalam keterangan berikut:

### **2.1 Fasa Perancangan**

Di dalam fasa ini, penyelidik telah mengenalpasti soalan-soalan kajian, kata kunci, pangkalan data, dan kriteria penerimaan serta pengecualian.

#### **2.1.1. Soalan Kajian**

Objektif sorotan literatur sistemik ini adalah untuk memahami sepenuhnya kesan pembelajaran menggunakan MOOCs dalam pembelajaran bahasa. Justeru, persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

*Soalan Kajian* : Apakah kesan pembelajaran menggunakan MOOCs dalam pembelajaran bahasa?

#### **2.1.2 Kata Kunci Kajian**

Berdasarkan kepada soalan kajian di atas, kata kuncinya adalah “MOOCs dalam pembelajaran Bahasa”, “kesan MOOCs dalam pembelajaran Bahasa”. Penyelidik telah menggunakan bahasa Inggeris dalam pencarian dalam pangkalan data dengan menggunakan kata kunci berikut: “MOOCs for language learning” dan “effects of MOOCs for learning language”. Setelah kata carian dikenalpasti, maka pencarian artikel diteruskan menggunakan kaedah *Boolean*.

#### **2.1.3. Pangkalan Data**

Penyelidik telah mengenalpasti tiga pangkalan data yang berpengaruh dalam kalangan penyelidik. Pangkalan data tersebut adalah ScienceDirect, Education Resources Information Center (ERIC) dan Research Gate. Penyelidik melihat kekuatan ketiga-tiga pangkalan data ini

amat ampuh dan sesuai untuk kajian ini kerana artikel-artikelnya amat berkualiti dan bersifat kontemporari. ScienceDirect pula merupakan salah satu laman web di bawah seliaan penerbit Elsevier yang sangat berpengaruh dalam penerbitan artikel *peer review*.

#### 2.1.4 Kriteria Penerimaan dan Penolakan

Penyelidik telah menggariskan dua peringkat dalam kriteria Kemasukan dan Penolakan artikel. Dalam peringkat pertama, penyelidik menerima dan mengecualikan artikel berdasarkan kriteria berikut:

a) Kriteria Penolakan

- Mana-mana kajian yang tidak memaparkan kata kunci tersebut.
- Mana –mana kajian yang bukan dalam topik pembelajaran bahasa
- Mana-mana kajian yang tidak boleh diakses penuh.
- Kajian ringkas
- Mana-mana kajian yang berulang

b) Kriteria Penerimaan

- Mana-mana kajian yang memaparkan kata kunci tersebut.
- Mana –mana kajian dalam topik pembelajaran bahasa
- Mana-mana kajian yang boleh diakses penuh.

Di dalam peringkat kedua, penyelidik telah mengeluarkan semua kajian yang tidak relevan setelah proses pembacaan teks kajian secara penuh dijalankan.

#### 2.1.5 Strategi Saringan Data

Dalam strategi ini, penyelidik telah menggunakan borang di bawah untuk proses menyaring data yang diperlukan daripada artikel yang telah dikumpulkan. Berikut merupakan borang tersebut:

Perkara	Informasi
ID Kajian	Nombor ID ini diletakkan dalam setiap kajian yang dipilih untuk memudahkan proses saringan dan tapisan maklumat
Nama Pengarang	Nama Pengarang
Tempat kajian	Kawasan liputan kajian
Rekabentuk Kajian	Rekabentuk kajian yang digunakan.
Hasil kajian	Hasil kajian yang dinyatakan.

**Jadual 1: Borang Saringan Data**

#### 2.2 Fasa Perlaksanaan

Fasa ini mengandungi beberapa langkah seperti berikut: mengenalpasti skop kajian, pemilihan kajian, penilaian kualiti kajian, saringan data dan sintesis data.

## 2.2.1 Langkah mengenalpasti Skop Kajian

Setelah mengenalpasti kata kunci carian (search string), penyelidik memulakan proses mencari artikel di dalam pangkalan data ScienceDirect, ERIC dan Research Gate. Hasil carian proses tersebut dinyatakan dalam jadual 2 seperti di bawah:

Pangkalan Data	Kebolehcapaian Artikel (Open Source)
ScienceDirect	36
ERIC	13
Research Gate	17
Jumlah	66

**Jadual 2 : Hasil Carian Pangkalan Data**

### 2.2.1 Langkah Pemilihan Artikel

Berdasarkan kepada kriteria penerimaan dan kriteria penolakan, penyelidik telah menyaring artikel-artikel yang sesuai. Proses saringan tersebut dinyatakan dalam rajah 1 seperti di bawah.



**Rajah 1 : Proses Saringan Artikel**

Berikut merupakan lima artikel yang telah dipilih menerusi proses ini. Artikel tersebut seperti dinyatakan dalam jadual 3 di bawah:

ID	Penulis	Sumber	Tajuk Artikel
M1	Patricia Ventura, Elena Barcena & Elena Martin-Monje	ScienceDirect- Procedia. Social Behavioral Sciences 141	Analysis of The Impact Of Social Feedback on Written Production and Student Engagements in Language Moocs.
M2	Ruben Chacon-Beltran	ScienceDirect- Procedia. Social Behavioral Sciences 141	Massive Online Open Courses and Language Learning: the Case for a Beginners` English Course
M3	Erin D. Reilly, Kyle M. Williams, Rose E. Stafford, Stephanie B. Corliss, Jannet C. Walkow & Donna K. Kidwell	ERIC	Global Times Call for Global Measures: Investigating Automated Essay Scoring in Linguistically-Diverse MOOCs
M4	Airton ZANCANARO & Maria Jose Carvalho de Souza DOMINGUES	ERIC	Massive Open Online Courses (Mooc) For Teaching Portuguese For Foreigners: A Case Study
M5	Betsy Gilliland, Ai Oyama & Pamela Stacey	ERIC	Second Language Writing in a MOOC: Affordances and Missed Opportunities
M6	Roxana Marinescu & Mariana Nicolae	Research Gate	MOOCs: Challenges and Opportunities for Romanian Universities
M7	Steven White, Manuel Leon-urrutia, Kate Borthwick & Su White.	Research Gate	Massive Open Online Course Mentoring for a Connected Community of Practice of Language Teachers
M8	Ana Ibanex Moreno & John Traxler	Research Gate	MALL-Based MOOCs for Language Teachers: Challenges and Opportunities
M9	Anastasios A. Economides & Maria A. Perifanou	Research Gate	Dimensions Of Openness In MOOCS & OERS
M10	Nuraihan Mat Daud, Afiza Mohamad Ali, Nor Shidrah Mat Daud, Jowati Juhary & Raihanah M. M	Research Gate	A MOOC for Literature Integrated Language Classroom: Pedagogical Suggestions for the Development of Higher Order Thinking Skills (HOTS)

**Jadual 3: Maklumat Artikel Pilihan**

### 2.2.2 Langkah Penilaian Kualiti Kajian

Untuk menilai kualiti artikel yang dipilih, penyelidik telah memilih satu senarai semak yang dicadangkan oleh Kitchenham dan Charters (2007). Jadual 4 di bawah menunjukkan kandungan senarai semak tersebut dalam menilai kualiti artikel dari segi objektif, persembahan, hasil kajian dan sebagainya.

No	Soalan	Jawapan
Q1	Adakah matlamat kajian jelas dinyatakan?	Ya/Tidak/Sebahagian
Q2	Adakah kajian ini dipersembahkan secara mencukupi?	Ya/Tidak/Sebahagian
Q3	Adakah kajian meneroka perspektif dan dimensi yang pelbagai?	Ya/Tidak/Sebahagian
Q4	Adakah objektif kajian membawa kepada kesimpulan yang jelas?	Ya/Tidak/Sebahagian
Q5	Adakah dapatan kajian penting?	Ya/Tidak/Sebahagian
Q6	Adakah dapatan kajian negatif dipersembahkan dalam kajian?	Ya/Tidak/Sebahagian
Q7	Adakah pengkaji menerangkan sebarang akibat daripada sebarang masalah?	Ya/Tidak/Sebahagian
Q8	Adakah kajian telah menambah kefahaman anda dalam isu?	Ya/Tidak/Sebahagian
Q9	Adakah dapatan kajian menambah sorotan literature yang dibuat?	Ya/Tidak/Sebahagian

**Jadual 4: Senarai Semak Penilaian Artikel**

Kemudian hasil dapatan kajian telah dianalisis menggunakan skala penilaian yang diperkenalkan oleh Azhar, Mendes dan Riddle (2012) seperti dinyatakan dalam jadual 5 . Penyelidik menyimpulkan bahawa mana-mana kajian yang mencapai skor yang tertinggi maka ia akan menunjukkan kualiti kajian dan berupaya menjawab persoalan kajian

Jawapan	Skor
Ya	1
Tidak	0
Sebahagian	0.5

**Jadual 5: Skala Skor Berdasarkan Jawapan**

Nilai skor bagi setiap kajian dipaparkan dalam jadual 6. Setiap kajian telah dijumlahkan mata skornya dan diterjemahkan dalam bentuk peratus untuk memudahkan penafsiran data. Ianya diletakkan dalam ruangan akhir jadual tersebut (% Max S). Jadual 6 menunjukkan kadar peratusan yang diberikan kepada setiap artikel berdasarkan kaedah Kitchenham dan Charters (2007) dan kaedah Azhar, Mendes dan Riddle (2012) seperti di bawah:

ID	Q1	Q2	Q3	Q4	Q5	Q6	Q7	Q8	Q9	Jumlah	% Max S
M1	1	0.5	1	0.5	1	0	0	1	1	6	66.7
M2	1	1	1	1	1	1	0	1	1	8	88.9
M3	1	0.5	1	1	1	1	1	1	0.5	8	88.9
M4	0.5	0.5	1	1	1	0	0	1	1	6	66.7
M5	1	1	1	1	1	1	1	1	1	9	100
M6	1	1	1	1	1	0.5	0.5	1	1	8	88.9
M7	1	1	1	1	1	1	1	1	1	9	100
M8	1	1	1	1	1	0	0	1	1	7	77.8
M9	1	0.5	1	1	1	0	0	1	1	6.5	72.2
M10	1	1	1	1	1	0	0	1	1	7	77.8

**Jadual 6: Kadar Skor dan Peratusan Setiap Artikel**

Jadual 6 menunjukkan bahawa kebanyakan kajian mendapat skor di antara 6 sehingga 9. Oleh yang demikian, semua artikel melepasi tahap 50% dan dikekalkan dalam proses tinjauan sistematik ini. Artikel M5 dan artikel M7 mendapat skor yang tertinggi sebanyak 9 daripada jumlah skor keseluruhan iaitu 9. Ia bersamaan dengan 100% kerana menepati kriteria-kriteria penilaian. Manakala artikel M1 dan artikel M4 mendapat skor terendah iaitu 6 daripada 9 bersamaan 66.7%. Menerusi langkah ini, kesemua artikel yang berjumlah 10 buah ini telah melalui proses penilaian kualiti.

### 2.2.3 Langkah Pengestrakan Data

Di dalam langkah ini, data diambil daripada 5 artikel yang telah dinilai sebelum ini. Penyelidik memfokuskan kepada corak dan kesan MOOCs terhadap pembelajaran bahasa. Segala maklumat yang berkaitan telah direkodkan berdasarkan kepada catatan yang telah dibuat pada borang saringan data (lihat 2.1.5 Strategi Saringan Data). Penyelidik mendapati bahawa corak dan kesan MOOCs dalam pembelajaran Bahasa boleh disimpulkan seperti dinyatakan dalam Jadual 7.

ID Kajian	Penulis	Tempat Kajian	Reka bentuk kajian	Hasil
M1	Patricia Ventura, Elena Barcena & Elena Martin-Monje	Sepanyol	Kualitatif	Model MOOCs dalam pembelajaran Bahasa Inggeris
M2	Ruben Chacon-Beltran	Sepanyol	Kuantitatif	Orang Sepanyol dalam usia pertengahan menyukai pembelajaran Bahasa menggunakan MOOCs khususnya dalam Bahasa Inggeris.
M3	Erin D. Reilly, Kyle M. Williams, Rose E. Stafford, Stephanie B. Corliss, Jannet C. Walkow & Donna K. Kidwell	Amerika Syarikat	Kuantitatif	Kadar pencapaian pelajar bukan penutur jati Inggeris dalam MOOCs rendah secara konsisten dalam pengajaran biasa dan dalam MOOCs
M4	Airton ZANCANARO & Maria Jose Carvalho de Souza DOMINGUES	Portugis	Kualitatif	Kerangka Pembelajaran Bahasa Portugis Menggunakan MOOCs
M5	Betsy Gilliland, Ai Oyama & Pamela Stacey	Hawaii	Kualitatif	Kebolegunaan MOOCs untuk tujuan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Inggeris
M6	Roxana Marinescu & Mariana Nicolae	Romania	Kualitatif dan kuantitatif	Kecenderungan pelajar terhadap MOOCs dalam pembelajaran Bahasa Inggeris

M7	Steven White, Manuel Leon-urrutia, Kate Borthwick & Su White.	United Kingdom	Kuantitatif	Pendekatan dan tatacara mentor dalam pembelajaran Bahasa menggunakan MOOCs
M8	Ana Ibanex Moreno & John Traxler	United Kingdom	Kualitatif	Panduan menggunakan MOOCs dalam kalangan guru bahasa
M9	Anastasios A. Economides & Maria A. Perifanou	Greece	Kualitatif	Kerangka Dimensi Kerterbukaan dalam MOOCs dan OER
M10	Nurairhan Mat Daud, Afiza Mohamad Ali, Nor Shidrah Mat Daud, Jowati Juhary & Raihanah M. M	Malaysia	Kualitatif	Kaedah pengabungan antara MOOCs dan Pemikiran Arast Tinggi dalam pembelajaran Bahasa.

**Jadual 7: Hasil Saringan Data Artikel Terpilih**

Jadual 7 menunjukkan hasil saringan data sepuluh artikel terpilih daripada pangkalan data ScienceDirect, ERIC dan Research Gate. Terdapat dua kajian telah dibuat di Sepanyol dan United Kingdom. Manakala di Amerika Syarikat, Malaysia, Hawaii dan Romania, masing-masing satu kajian. Bahasa Inggeris telah mendominasi penggunaan MOOCs di serata tempat manakala Bahasa Portugis pula menjadi Bahasa minoriti yang disebut dalam kajian M4. Sehingga kini, artikel MOOCs berkaitan bahasa-bahasa lain seperti Bahasa Arab, Bahasa Melayu dan sebagainya masih belum ditemui dalam pangkalan data ini. Kelihatan reka bentuk kajian berbentuk kualitatif menjadi pilihan para pengkaji.

## Kesimpulan

Sesuai dengan ledakan teknologi, pelaksanaan konsep MOOCs dalam pembelajaran bahasa terutamanya dalam kalangan pelajar di semua peringkat pembelajaran dan pendidikan amatlah digalakkan kerana generasi ini lebih mudah menerima perubahan dan inovasi. Pemerksaan penggunaan MOOCs dalam pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar, pendidik dan pereka bentuk bahan pengajaran perlu selangkah ke hadapan dalam memilih elemen dan mengaplikasikan bahan kandungan bahasa ke dalam konteks pendidikan bagi memastikan memastikan proses penyampaian dan pelaksanaannya agar lebih berkesan. Ianya perlu diperluas kepada semua bahasa yang dipelajari agar memberikan nilai tambah kepada pelajar dalam memahami dan menekuni bahasa dengan baik.

## Rujukan

- Airton Zancanaro & Maria Jose Carvalho de Souza Domingues. (2018). Massive Open Online Courses (Mooc) For Teaching Portuguese For Foreigners: A Case Study. *ERIC*
- Ana Ibanex Moreno & John Traxler. (2016). Dimensions Of Openness in MOOCS & OERS. *Research Gate*.



- Anastasios A. Economides & Maria A. Perifanou. (2018). Dimensions Of Openness In MOOCS & OERS. *Research Gate*.
- Azhar, Damir, Mendes, Emilia, & Riddle, Patricia. (2012). *A systematic Review of Web Resource Estimation*. Paper presented at the Proceedings of the 8th International Conference on Predictive Models in Software Engineering. Lund, Sweden.
- Betsy Gilliland, Ai Oyama & Pamela Stacey. (2018).Second Language Writing in a MOOC: Affordances and Missed Opportunities. *ERIC*.
- Erin D. Reilly, Kyle M. Williams, Rose E. Stafford, Stephanie B. Corliss, Jannet C. Walkow & Donna K. Kidwell. ().Global Times Call for Global Measures: Investigating Automated Essay Scoring in Linguistically-Diverse MOOCs. *ERIC*
- Kitchenham, B., & Charters, S. (2007).Guidelines for Performing Systematic Literature Reviews in Software Engineering. *Engineering*, vol. 2, no.EBSE 2007-001.
- Kitchenham, B., Pearl Brereton, O, Budgen, D., Turner, M., Bailey, J., & Linkman, S. (2009). Systematic Literature Reviews in Software Engineering– A systematic Literature Review. *Information and Software Technology*, 51 (1), 7-15
- Martín-Monje, E., Barcena, E., & Read, T. (2014). La interaccion entre companeros y el feedback lingüístico en los COMA de lenguas extranjeras. *Profesorado*, 18(1), 167-183.
- Nunes, C. S., Rissi, M., Nakayama, M. K., & Pacheco, A. S. V. (2015). Compartilhamento de conhecimento: os meios utilizados no contexto da educaçao a distância. *Revista GUAL*, 8(1), 68-85.
- Nurairhan Mat Daud, Afiza Mohamad Ali, Nor Shidrah Mat Daud, Jowati Juhary & Raihanah M. M. (2018). A MOOC for Literature Integrated Language Classroom: Pedagogical Suggestions for the Development of Higher Order Thinking Skills (HOTS). *Research Gate*
- Patricia Ventura, Elena Barcena & Elena Martin-Monje. (2014). Analysis of The Impact Of Social Feedback on Written Production and Student Engagements in Language Moocs. *ScienceDirect- Procedia. Social Behavioral Sciences* 141, 512-517.
- Roxana Marinescu & Mariana Nicolae. (2018). MOOCs: Challenges and Opportunities for Romanian Universities. *Research Gate*.
- Ruben Chacon-Beltran. (2014). Massive Online Open Courses and Language Learning: the Case for a Beginners` English Course. *ScienceDirect-Procedia. Social Behavioral Sciences* 141, 242-246
- Sandeen, C. (2013). Assessment's place in the new MOOC world. *Research & Practice in Assessment, Special Issue: MOOCs & Technology*, 8, 5-12.

Stapić, Z., López, E., Cabot, A., de Marcos Ortega, L., & Strahonja, V. (2012). *Performing Systematic Literature Review in Software Engineering*. Paper presented at the CECIIS 2012- 23rd Central European Conference on Information and Intelligent System, September 19-21, 2012, Varazdin, Croatia.

Steven White, Manuel Leon-urrutia, Kate Borthwick & Su White. (2015). Massive Open Online Course Mentoring for a Connected Community of Practice of Language Teachers. Research Gate.

Weller, M. (2014). *The Battle for Open: How openness won and why it doesn't feel like victory*. Londres: Ubiquity Press.